

ULASAN BUKU

**Intan Safinaz Zainudin &
Nor Hashimah Jalaluddin, 2018.**
*Semantik Ranahan dalam Kamus
Dwibahasa Melayu-Inggeris.*
**Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka, 279 halaman,
ISBN 978-983-49-1382-3.**

Pengulas: *Hasnah binti Mohamad*
hasnah_m@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.



Kepentingan kamus dwibahasa sebagai alat rujukan untuk mencari maklumat makna dalam terjemahan antara dua bahasa sememangnya tidak dapat dinafikan. Selain maklumat padanan dan makna kata, maklumat linguistik lain, seperti morfologi, sintaksis, konteks, serta maklumat sosiobudaya juga terdapat dalam kamus dwibahasa sebagai rujukan pengguna bahasa untuk memahami sesuatu kata. Sehubungan dengan hal itu, menurut Nik Safiah (2013, p. 6), keperluan pengguna sasaran menjadi faktor utama yang perlu diambil perhatian oleh para penyusun kamus. Di samping itu, himpunan entri yang dihuraikan, teknik huraian dan sajian, panduan penggunaan kamus serta reka letak bentuk kamus turut menjadi pertimbangan utama. Buku *Semantik Ranahan dalam Kamus Dwibahasa* memaparkan kajian berkaitan aspek kualiti pemaknaan kamus dwibahasa yang sewajarnya dijalankan kerana kamus dwibahasa merupakan kamus yang kerap digunakan oleh pelajar, pensyarah dan masyarakat umum. Oleh hal yang demikian, kajian demi kajian perlu dilaksanakan demi meningkatkan mutu kamus dwibahasa, khususnya kamus bahasa Melayu-bahasa Inggeris. Di samping itu, penulis juga telah menerapkan Teori Semantik Ranahan yang amat sesuai dan relevan bagi mengukuhkan kajian yang dijalankan. Keistimewaan buku ini juga adalah kerana penulisannya turut menyumbangkan maklumat untuk kajian terjemahan, khususnya dalam penulisan entri kamus dwibahasa. Tambahan pula sebelum ini belum ada kajian yang memfokuskan impak bidang terjemahan dalam penulisan dan penyusunan makna entri kamus

dwibahasa. Pendek kata, buku ini telah memberikan sumbangan besar terhadap ilmu penyusunan kamus dwibahasa atau leksikografi dwibahasa.

Idea tentang kajian pemaknaan kamus ini dipaparkan oleh penulis dalam tujuh bab. Bab pertama membincangkan sejarah perkembangan perkamusan dwibahasa. Bahagian awal bab ini memperkenalkan jenis-jenis kamus yang diterbitkan oleh institusi bertanggungjawab dalam menerbitkan kamus, sama ada kerajaan ataupun swasta (pp. 2-4). Kamus bercetak dan digital mudah didapati di pasaran untuk rujukan pengguna. Penulis turut menyenaraikan contoh kamus terkemuka di Malaysia, yang menjadi rujukan dan berkualiti tinggi. Dalam bab ini juga, penulis menjelaskan tujuan buku ini ditulis, iaitu untuk mengisi kelompangan kajian tentang pemantauan kualiti kamus dwibahasa berdasarkan kepentingannya. Selain itu, penghuraian tentang sejarah perkembangan kamus dwibahasa di tanah air mencakupi sebelum penjajahan Inggeris, zaman penjajahan Inggeris, dan zaman selepas merdeka turut dimuatkan (hlm. 4-8). Selain sumbangannya untuk analisis linguistik dan analisis leksikal, buku ini juga menyumbangkan penelitian dalam bidang terjemahan dalam penyusunan kamus dwibahasa. Buku ini juga menunjukkan cara mencari padanan bahasa Inggeris daripada pangkalan FrameNet dan menterjemah ayat contoh daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris yang merupakan antara langkah terpenting dalam penyusunan kamus dwibahasa Melayu-Inggeris.

Seterusnya, bab dua buku ini membincangkan jenis kamus dwibahasa, definisi konsep makna dan padanan dalam kamus dwibahasa. Fokus utama bab ini ialah perbincangan terperinci tentang empat jenis penelitian yang menghasilkan penulisan berlandaskan penelitian eklektik yang menggabungkan aspek leksikografi, aspek penggunaan kamus, dan aspek linguistik. Di samping itu, bab ini juga mencakupi perbincangan tentang teori Semantik Ranahan yang menunjangi kajian ini (pp. 56-66). Bahagian awal bab ini membincangkan secara terperinci konsep kamus aktif dan kamus pasif serta contoh utama kamus tersebut (pp. 15-16). Seterusnya, penulis menyentuh tentang dua konsep penting dalam penelitian kamus dwibahasa, iaitu konsep makna dan padanan khusus. Antara yang penting ialah, maklumat makna bagi sesuatu entri kamus terdiri daripada maklumat padanan atau terjemahan, indikator untuk semua sensa makna yang berbeza, maklumat nahu, maklumat konteks, label linguistik dan maklumat tentang penggunaannya. Penjelasan diteruskan dengan keterangan tentang padanan dalam kamus dwibahasa, iaitu padanan penuh, padanan separa, dan tiada padanan (pp. 18-55). Berhubung dengan fakta ini, amalan leksikografi menunjukkan bahawa penyusun kamus memerlukan padanan yang pelbagai dan contoh ayat yang banyak bagi menghasilkan takrifan yang tepat (Nik

Safiah, 2013, p. 190). Sebagai rumusan bab ini, ditegaskan bahawa untuk menyelesaikan masalah kamus dwibahasa Melayu Inggeris, penelitian haruslah bermula daripada makna entri bahasa sumber, iaitu bahasa Melayu seterusnya barulah padanan bahasa Inggeris disediakan bersama-sama ayat contoh bahasa Melayu serta terjemahannya dalam bahasa Inggeris.

Sebagai kesinambungan bagi bab dua, bab tiga membincangkan langkah-langkah yang diambil dalam penelitian eklektik yang melibatkan soal selidik, kajian pustaka serta analisis linguistik berlandaskan teori semantik ranahan (SR), dan diakhiri dengan contoh penelitian entri kata kerja menjulang dan cadangan entri kamus hasil penelitian berkenaan (pp. 92-106). Tujuan soal selidik adalah untuk mengenal pasti pola penggunaan kamus dwibahasa dan pemerian makna serta pemadanan kata dalam kamus dwibahasa Melayu-Inggeris. Dalam kaedah soal selidik, pelajar boleh memilih untuk menggunakan tiga jenis kamus yang disediakan, iaitu enam kamus dwibahasa, lima kamus ekabahasa, dan tiga kamus dalam talian dan elektronik. Setiap kali merujuk kamus, pelajar perlu mengisi borang soal selidik untuk merekodkan pola penggunaan kamus dwibahasa semasa membuat terjemahan dan masalah dihadapi apabila merujuk entri kamus yang dirujuk. Data korpus DBP-UKM yang berjumlah sebanyak lima juta patah perkataan digunakan dalam analisis linguistik bersandarkan teori semantik ranahan. Seterusnya, untuk rujukan bahasa Inggeris pula, penulis memilih maklumat leksikal bahasa Inggeris daripada pangkalan FrameNet.

Seterusnya, bab empat pula membincangkan dapatan berdasarkan soal selidik yang pada akhirnya dapat mencerminkan pola rujukan kamus, penggunaan kamus semasa menterjemah, masalah pemerian makna serta pencarian padanan yang dihadapi oleh pelajar ketika menterjemah (hlm. 107). Kajian menunjukkan bahawa kamus dwibahasa paling kerap dirujuk ketika melakukan kerja terjemahan. Pada umumnya, kajian mendapati bahawa faktor utama pelajar merujuk kamus adalah untuk mencari makna dan padanan kata yang bermasalah, diikuti faktor memastikan makna dan padanan yang dipilih betul penggunaannya. Aspek yang perlu diberikan penekanan untuk menghasilkan entri yang lebih baik untuk tujuan terjemahan ialah maklumat makna dan padanan diikuti maklumat nahu dan struktur ayat. Di samping itu, pelajar juga memerlukan senarai padanan yang lebih banyak dalam pelbagai konteks. Kajian ini menggunakan teori semantik ranahan (SR) berdasarkan bukti korpus DBP-UKM dan rujukan terhadap pangkalan FrameNet diaplikasikan dalam analisis linguistik untuk menyusun semula sensa makna dan mencari padanan bahasa Inggeris yang sesuai (hlm. 112-121). Penulisan lain yang melibatkan metodologi FrameNet

berlandaskan teori semantik ranahan juga pernah dijalankan oleh Pimentel (2015) terhadap bahasa Kanada dan Portugis. Kajian Pimentel (2015) mendapati bahawa teori semantik ranahan sesuai untuk mengkaji kata kerja kerana keupayaannya menerbitkan kata berkaitan mengikut ranahan. Kajian tersebut melibatkan pembinaan JuriDiCo, iaitu sumber leksikal dwibahasa yang menghuraikan leksikal khusus di mahkamah oleh dua komuniti undang-undang dan komuniti linguistik yang berlainan, iaitu Kanada dan Portugis. Hasilnya, JuriDiCo berjaya membolehkan pengguna bidang undang-undang, khususnya penterjemah dan penulis bidang undang-undang mendapatkan padanan yang lebih sesuai dalam penulisan dan perterjemahan mereka.

Seterusnya, bab lima membincangkan penghuraian dua entri contoh, iaitu kata kerja memberi dan menerima (pp. 122-199). Perbincangan entri contoh diteruskan dalam bab enam, iaitu entri kata kerja transitif mengambil dan membuat (pp. 200-270). Perbincangan keempat-empat entri yang dipilih berdasarkan kekerapan penggunaannya ini dibuat secara terperinci bagi setiap sensa yang dibezakan dengan ranah yang berbeza-beza. Pada akhir kedua-dua bab lima dan enam diberikan cadangan penyusunan entri kamus yang lebih baik berdasarkan pecahan makna dan padanan bagi setiap entri yang dibincangkan untuk tujuan terjemahan serta ayat contoh dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris.

Keseluruhan, dapatan penelitian yang tercakup dalam buku ini disimpulkan dalam bab tujuh (p. 271). Rumusan ini menjawab pelbagai persoalan yang dihadapi oleh pengguna kamus, termasuklah maklumat entri yang bermasalah dari segi makna serta padanan dan maklumat lain yang perlu dimasukkan untuk menambah baik kamus. Perbincangan rumusan juga mencakupi aspek penggunaan kamus dwibahasa serta analisis linguistik terhadap entri kamus dwibahasa. Secara keseluruhannya, buku ini menyumbangkan maklumat untuk kajian kamus dwibahasa khususnya, dan termasuk juga kamus ekabahasa Melayu. Hal ini kerana analisis terhadap bahasa sumber bahasa Melayu sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada data analisis untuk menghasilkan pangkalan data FrameNet Melayu (p. 278).

RUJUKAN

- Nik Safiah, K. (2013). *Sepintas lalu perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Pimentel, J. (2015). Using frame semantics to build a bilingual lexical resource on legal terminology. Kockaert, H.J. & Steurs, F. (Eds.). *Handbook of terminology* Vol 1, hlm. 427-450. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.